

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MELANCARKAN LEMBAGA PADI DAN BERAS
NEGARA DI BILIK GERAKAN NEGARA,
KUALA LUMPUR PADA 20HB SEPTEMBER, 1971**

Y.B. Tan Sri Syed Nasir,¹ Tuan-tuan sekalian,

Lembaga Padi dan Beras Negara atau rengkasnya LPN telah ditubuhkan pada lhb Julai, 1971 iaitu setelah Aktanya diluluskan oleh Parlimen dalam sidangnya yang lalu. Hari ini saya sukacita mendapat peluang merasmikan pelancarannya meskipun LPN telahpun berjalan dengan rancaknya selama dua bulan ini.

Tujuan kita menubuhkan LPN ialah untuk menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan pengeluaran, pengilangan dan pemasaran padi dan beras. Badan ini juga bertanggungjawab mengenai dasar-dasar negara berhubung dengan perusahaan padi dan beras. Selama ini, tugas-tugas ini telah dijalankan oleh beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun termasuklah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA dan Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras.

Memandang pada keadaan masa ini, Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa semua tugas-tugas ini meslilah disatukan di bawah hanya satu badan sahaja dan badan ini diletakkan di bawah tanggungjawab saya sendiri.

Langkah ini adalah perlu memandangkan perubahan yang telah berlaku dalam perusahaan padi dan beras di dalam dan di luar negara kita. Datuk nenek kita dahulu bertanam padi hanya untuk makan, dan apa yang lebih ditukarkan dengan barang-barang lain yang menjadi keperluan hidup mereka. Tetapi, sekarang ini keperluan hidup kaum petani sudahpun bertambah, dan mereka semua memerlukan wang ringgit untuk membeli belah, sedangkan keadaan perusahaan padi mereka masih belum banyak berubah. Dengan kerana itu pendapatan petani-petani amnya tidaklah mencukupi bagi menemui kehendak-kehendak atau keperluan hidup mereka.

1 Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara.

Tuan-tuan sekalian,

Semenjak kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan telah berusaha menambahkan pendapatan petani-petani dengan berbagai cara. Kita telah mengadakan harga minima yang terjamin, perkhidmatan lanjutan pertanian, bantuan-bantuan input, dan meluaskan kemudahan-kemudahan parit air bagi penanaman dua kali setahun.

Tetapi semua langkah-langkah ini belumlah mencukupi untuk memberikan mereka pendapatan yang berpatutan, seimbang dengan tenaga dan titik peluh mereka. Banyak lagi masalah yang belum diatasi. Kebanyakan petani-petani mempunyai kawasan-kawasan bendang yang kecil dan tidak ekonomi, jadi tidak mendapat hasil yang mencukupi. Juga kebanyakan mereka terbelenggu dengan hutang dan kena membayar sewa tanah dan zakat yang tinggi berbanding dengan pendapatan mereka. Maka tidaklah hairan kenapa petani-petani pada keseluruhannya miskin dan daif.

Kita sekarang sedang melaksanakan Dasar Ekonomi Baru serampang dua mata yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dasar ini besar ertinya di dalam sektor pertanian umumnya dan perusahaan padi khususnya, kerana di situlah terdapat orang kita yang miskin dan memerlukan penyusunan semula masyarakat supaya mereka merasa nikmat dari kekayaan dan kemewahan negara.

Oleh itu, nyatalah Lembaga Padi dan Beras Negara diwujudkan sebagai salah satu alat untuk melaksanakan kedua-kedua tujuan utama Dasar Ekonomi Baru itu. Lembaga diberikan kuasa penuh untuk menukarkan corak perusahaan padi dan beras di negara kita ini. Ahli-ahli Lembaga yang akan memulakan mesyuarat mereka hari ini memikul tugas dan tanggungjawab yang besar untuk menjayakan tujuan Kerajaan dengan membawakan perubahan-perubahan yang berkesan dalam sektor ini.

Antara tugas-tugas utamanya, LPN hendaklah mengadakan rancangan-rancangan yang lengkap dan meliputi jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menukarkan corak perusahaan padi dan beras selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru itu.

Di sini saya rasa eloklah saya menentukan iaitu pada jangka panjang matlamat Kerajaan ialah untuk memastikan yang tiap-tiap satu keluarga petani mempunyai pendapatan kira-kira \$300

sebulan. Untuk mencapai matlamat ini, L P N mestilah mengambil langkah-langkah segera untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang menyebabkan rendahnya pendapatan petani-petani dan daya pengeluaran mereka.

Dengan keadaan yang ada sekarang, tidaklah ada kemungkinan bagi mencapai matlamat pendapatan yang saya katakan tadi walaupun tanaman padi dua kali setahun berjalan dengan jayanya. Keadaan ini mustahak diubah segera.

Selain dari itu, ada beberapa lagi langkah-langkah yang mustahak dijalankan. Saya mencadangkan supaya L P N sendiri bekerjasama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun seperti F A M A, Bank Pertanian dan M A R D I menyusun rancangan-rancangan untuk melaksanakannya. Antara langkah-langkah yang mustahak dijalankan ialah:

Pertama, mewujudkan atau menamakan kawasan-kawasan "Jelapang Padi" atau "rice-bowls" di negara kita dan menumpukan segala usaha kepada kawasan-kawasan ini untuk tanaman padi dua kali setahun. Kita mustahak mengadakan bantuan input; perkhidmatan lanjutan, usaha-usaha penyelidikan; kemudahan-kemudahan simpanan, pengangkutan dan pemasaran. Segala usaha ini adalah dimaksudkan untuk menambahkan daya pengeluaran di kawasan-kawasan ini di samping meninggikan mutu padi dan menurunkan harga pengeluarannya.

Kedua, menggalakkan petani-petani di luar kawasan "designated rice bowls" yang biasanya bertanam sekali setahun bertanam tanaman-tanaman di luar musim, seperti jagung, sekoi dan tembakau, dan juga menternak. Usaha-usaha yang sama seperti penyelidikan, kemudahan-kemudahan simpanan, pengangkutan dan pemasaran hendaklah dijalankan juga. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan akan memberi bantuan benih, racun serangga dan alat-alat perkakas bagi jenis-jenis tanaman yang saya sebutkan itu.

Dan ketiga, ini saya rasa penting sekali—menggalakkan petani-petani yang berlebihan di kawasan-kawasan padi, samada di kawasan-kawasan "rice bowls" ataupun di kawasan-kawasan yang bertanam sekali setahun supaya berpindah keluar memasuki lapangan baru seperti lapangan perdagangan dan perniagaan, ataupun memasuki rancangan-rancangan tanah Kerajaan.

Langkah keempat ialah mengadakan rancangan-rancangan bagi membolehkan petani-petani membeli dan membesarkan lagi tanah sawah mereka supaya menjadi economic holding dan dapat mengeluarkan hasil yang mencukupi.

Saya percaya langkah-langkah ini dapat menjamin kearah matlamat jangka panjang pendapatan pukol rata petani \$300 sebulan.

Tuan-tuan,

Dalam melaksanakan langkah-langkah yang saya sebutkan itu, kita hendaklah sentiasa ingat akan tuntutan-tuntutan petani dan juga orangramai dalam kehidupan mereka sehari-hari. Lembaga hendaklah memastikan harga padi dan juga beras yang berpatutan dan stabil untuk petani-petani dan juga bagi pengguna-pengguna.

Untuk tujuan ini, Kerajaan akan terus memberi jaminan harga yang minima kepada petani-petani. Pihak Lembaga mestilah melaksanakan harga yang terjamin dengan bijak dan tidak menaikkan harga beras kepada pengguna-pengguna. Ini mustahak dijaga oleh kerana kemiskinan juga terdapat di kalangan kaum buruh dan nelayan, pekebun-pekebun kecil dan peniaga-peniaga kecil dalam bandar.

Dalam tugasnya yang baru ini, Lembaga akan menguasai semua simpanan-simpanan beras Kerajaan atau stockpile, dan bertanggungjawab bagi menggunakan alat yang sangat penting ini untuk mencapai tujuan-tujuannya. Lembaga juga bertanggungjawab tentang penggunaannya di masa-masa kecemasan seperti dalam masa banjir.

Tuan-tuan sekalian,

Rasanya tidak perlu ditegaskan lagi, maksud Kerajaan ialah untuk memberi pendapatan dan taraf hidup yang tinggi kepada petani-petani kita. Tujuan-tujuan ini tidak akan tercapai sekiranya Lembaga tidak mengawal dalam dua jurusan: pertama, pengeluaran padi yang berlebihan dan kedua, penyeludupan padi dan beras Ice Malaysia.

Dalam perkara pengeluaran padi, seperti yang telah saya katakan di masa-masa yang lepas, Kerajaan telah menentukan iaitu Malaysia hendaklah menghadkan pengeluaran berasnya sebanyak

90% sahaja daripada keperluan dalam negeri. Pada pendapat saya, inilah peratusan yang praktikal untuk memberi pendapatan yang saksama kepada petani-petani dengan jaminan Kerajaan atas harga minima itu.

Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa tiap-tiap seorang petani dihad mengeluarkan 90 peratus sahaja. Kita mahu mereka bekerja dengan giat lagi, terutamanya petani-petani di kawasan-kawasan padi dua musim di mana Kerajaan telah membelanjakan beratus-ratus juta ringgit membina parit dan taliair. Tetapi, pada keseluruhannya, negara kita hendaklah mengeluarkan 90 peratus sahaja daripada beras yang diperlukan.

Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan hanya menitikberatkan kemudahan-kemudahan bertanam dua kali setahun di kawasan-kawasan padi yang ada sekarang dan tidak akan membuka kawasan-kawasan baru. Kerajaan akan memberi galakan-galakan kepada petani-petani bertanam tanaman-tanaman yang lain daripada padi di kawasan-kawasan luar yang boleh mendatangkan cash income seperti jagung, tembakau dan kacang.

Penyeludupan padi dan beras ke negara kita ialah satu penyakil yang mustahak dicegah kerana ianya melumpuhkan usaha-usaha kita hendak mencapai matlamat meninggikan pendapatan dan taraf hidup petani-petani.

Lembaga berkuasa penuh bagi menghapuskan penyeludupan padi dan beras ke negara kita. Kuasa-kuasa ini termasuklah kuasa memasuki kawasan-kawasan rumah, menahan, menangkap, merampas, menyiasat dan mendakwa. Saya sukacita langkah-langkah tegas telahpun dijalankan oleh Lembaga dalam dua bulan ia ditubuhkan.

Lembaga hendaklah menggunakan kuasa-kuasa ini dengan tegas dan adil. Kerajaan akan memberi sepenuh-penuh sokongan atas usaha-usaha Lembaga bagi menghapuskan penyeludupan-penyeludupan padi dan beras itu. Saya juga mengarahkan semua jabatan Kerajaan terutamanya pihak Polis dan Kastam untuk menyokong dan bekerjasama dengan Lembaga dalam tugas pentingnya ini.

Akhirnya, saya suka menyatakan di sini kepercayaan yang penuh terhadap kebolehan dan kebijaksanaan ahli-ahli Lembaga di bawah pimpinan Pengerusinya, Y.B. Tan Sri Datuk Syed Nasir Ismail. Saya percaya tuan-tuan akan menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing dengan penuh minat dan keazaman.

Saya mengucapkan selamat berjaya!